



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA AZHAR BIN SULAIMAN,
TOKOH SENIMAN WARISAN 2022, MENGENAI LATAR BELAKANG
PERIBADI, KERJAYA DAN PENGALAMAN HIDUP SEBAGAI
SEORANG LAKONAN, PENGACARAAN DAN ARKITEK YANG
TERKENAL.**

OLEH:

**FATIHAH BALQIS BINTI SHUHAIMI @ MOHD NASIR (2021340789)
MUHAMMAD IRFAN BIN ABD WAHAB (2021132499)**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2022-OGOS 2022)**

ISI KANDUNGAN

NO	ISI KANDUNGAN	M/S
	Abstrak	1
	Penghargaan	3
	Senarai singkatan	4
	Biodata penemubual	5
	Biodata tokoh yang dipilih	7
1.0	Pengenalan	8
	1.1 Pendahuluan	
	1.2 Latar belakang	
	1.3 Permasalahan kajian	
	1.4 Objektif kajian	
	1.5 Persoalan kajian	
	1.6 Kepentingan dan sumbangan kajian	
2.0	Tinjauan literatur	11
3.0	Metodologi	13
	3.1 Pendekatan kajian	
	3.2 Peserta kajian	
	3.3 Prosedur pengumpulan data	
	3.4 Carta gant projek	
4.0	Transkrip temubual	17
5.0	Ralat	41
6.0	Log temubual	41
7.0	Hasil kajian	50
	Indek	51
	Rujukan	52
	Lampiran	54
	Lampiran 1- surat kebenaran	
	Lampiran 2- surat perjanjian	
	Lampiran 3- soalan temubual	
	Lampiran 4- diari kajian	
	Lampiran 5- gambar	

ABSTRAK

Transkrip Wawancara Bersama Azhar Bin Sulaiman, Tokoh Seniman Warisan 2022, Mengenai Latar Belakang Peribadi, Kerjaya Dan Pengalaman Hidup Sebagai Seorang Lakonan, Pengacaraan Dan Arkitek Yang Terkenal.

Abstrak: Temubual ini dilakukan bersama Azhar Sulaiman merupakan salah seorang lakonan, pengacaraan dan arkitek Malaysia yang terkenal. Temubual ini dilakukan untuk mengetahui perkhidmatan beliau dalam kerjayanya sepanjang menjadi anak seni tanah air. Temubual ini juga akan dijalankan secara atas talian setelah mendapat persetujuan dari beliau. Beliau dilahirkan pada tanggal 22 Julai 1971 di Bentong, Pahang. Pada tahun 1989, beliau memulakan pengajian dalam bidang Diploma Senibina di UITM Manjung, Perak Darul Ridzuan dan tamat sekitar tahun 1995. Beliau menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Newcastle Upon-Tyne, Newcastle, United Kingdom (UK) dalam bidang sama. Beliau mula berlakon pada tahun 1989 menerusi drama Cinta Dan Sayang, perjalanan kerjaya beliau sebagai pelakon TV dan Filem berjalan serentak semasa beliau menuntut di UITM Manjung. Selain itu, beliau juga merupakan bekas finalis Hero Remaja pada tahun 1990/1991. Di era 90an, Azhar merupakan antara pelakon lelaki terlaris memegang watak utama dalam filem-filem Melayu. Wajah tampannya menghiasi banyak filem-filem bergenre romantik dan drama. Filem Mira Edora menaikkan namanya sebagai pelakon popular dan kemudian mula meraih tumpuan menerusi filem Interlud. Kedua-dua filem ini melayakkan Azhar tercalon dalam kategori Pelakon Lelaki Terbaik (FFM) di usia yang sangat muda. Seterusnya memenangi Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik Anugerah Skrin dan pada tahun 1995 beliau digelar Pelakon Filem Lelaki Popular (Watak Pembantu) di Anugerah Bintang Popular Berita Harian. Azhar cukup popular dengan penyanyi/pelakon terkenal Amy Mastura apabila gandingan serasi mereka dalam Impian (1996), KLU (1999) dan Trauma (2004) meraih kutipan box office. Beliau terus aktif berlakon disamping melakukan perkerjaan yang lain seperti bekerja sebagai arkitek sepenuh masa di Design Nexus Architect dan mencipta set untuk drama dan filem. Beliau ialah arkitek untuk bangunan Studio Filem baru syarikat KRU di Cyberjaya dan juga pereka set untuk filem

Cicakman terbitan KRU. Azhar Sulaiman pernah menjadi pengacara rancangan Kunci Khazanah

Kata kunci: *Anak Seni, Pelakon, Pengacaraan, Arkitek, Filem*

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim,

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah dan limpah kurniaNya diberikan tenaga dan dipanjangkan kudrat bersama sama rakan seperjuangan untuk menyiapkan tugas berkumpulan bagi kod IMR604 (Oral Documentation) ini dengan sempurna. Syukur alhamdulillah kehadiran ilahi kerana limpah kurnianya memberi kami kekuatan untuk menyelesaikan tugas yang diberikan ini.

Di kesempatan ini, setinggi tinggi penghargaan diberikan kepada pensyarah kami, Puan Nurulannisa Binti Abdullah yang sentiasa sabar memberi tunjuk ajar dan membantu kami dalam menyiapkan tugas ini. Beliau telah banyak membantu sepanjang proses tugas ini dijalankan. Tidak dilupakan kepada Encik Azhar Sulaiman yang sudi meluangkan masa bersama kami untuk melakukan temubual ini meski dengan jadualnya yang sibuk. Sebesar-besar penghargaan diberikan kepada beliau atas kesudiannya melayan kami tanpa mengharapakan balasan demi menjayakan sejarah lisan ini.

Kami juga ingin berterima kasih kepada ibu bapa yang telah memberikan dorongan sepanjang tugas ini dijalankan. Sekalung terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang turut meberikan kerjasama dalam melaksanakan tugas ini.

Sekian, terima kasih

SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN	NAMA PENUH
COVID-19	Coronavirus disease
UiTM	Universiti Teknologi Mara
UK	United Kingdom
TV	Televisyen
MI	Muhammad Irfan
FB	Fatihah Balqis
KL	Kuala Lumpur
SBP	Sekolah Berasrama Penuh
PBSM	Persatuan Bulan Sabit Merah
PM	Perdana Menteri
UMNO	United Malays National Organisation

BIODATA PENEMUBUAL

PENEMUBUAL 1



Nama : Fatimah Balqis Binti Shuhaimi @ Mohd Nasir
Alamat : NO41A, Jalan Kota Bharu Batu 23 Labok, 18500, Machang.
Nombor Telefon : 011-3743 4997
Emel : fatimahshuhaimi09@gmail.com
Program : Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Sistem (IM245)

PENEMUBUAL 2



Nama : Muhammad Irfan Bin Abd Wahab
Alamat : PT 11814, Jalan 6/2F, Taman Desa Cempaka, Bandar Baru Nilai, 71800 Negeri Sembilan
Nombor Telefon : 013-564 5047
Emel : irfan2018248238@gmail.com
Program : Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Sistem (IM245)

BIODATA TOKOH YANG DIPILIH



Nama Penuh: Azhar bin Sulaiman
Tarikh lahir: 22 Julai 1971 (umur 50)
Tempat lahir: Bentong, Pahang, Malaysia
Kewarganegaraan: Malaysia
Bangsa: Melayu
Agama: Islam
Pendidikan: Diploma Senibina, Ijazah Sarjana Muda Senibina
Pusat Pendidikan: Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia
University of Newcastle Upon Tyne, Newcastle, United Kingdom
Pekerjaan: Pelakon, pengacara, arkitek, pereka, pengarah
Tahun aktif: 1989–kini
Nama isteri: Chempaka Emalin Pahamin
Nama Anak: Kasih Leia Ixora, Andika Rees Pahamin, Kasih Iris Leona
Nama Bapa: Sulaiman bin Ismail (bapa)
Nama Ibu: Wook binti Mat Adan (ibu)
Hobi: Lumba basikal, Membaca buku, melukis, hoki

1.0 PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Mengikut kamus Dewan Bahasa edisi keempat, perkataan “seniman” merupakan kata nama yang memberi dua maksud, yang pertama bermaksud seseorang yang mempunyai bakat seni dan mampu mencipta hasil seni dan dapat mempersembahkan seni tersebut dengan baik. Maksud yang kedua pula ialah bintang filem terutamanya lelaki yang telah lama menceburkan diri dalam bidang perfileman dan sudah pun mencapai pada tahap yang tertentu. Di samping itu, ia juga merujuk kepada seseorang yang kreatif, inovatif dan mahir dalam manamana bidang seni. Manakala, perkataan “veteran” membawa maksud seseorang yang mempunyai pengalaman yang banyak dalam sesuatu bidang (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2022).

Ahli sejarah seni telah mendefinisikan artis sebagai seseorang yang telah menghasilkan seni sehingga diiktiraf. Sejak tahun 1980an perkataan artis telah dipergunakan dengan luas dan menggantikan perkataan seniman kerana dikatakan sifatnya yang lebih menarik dan sesuai mengikut peredaran zaman. Selain daripada itu, perkataan artis itu sendiri pada asalnya merupakan kata pinjaman dari Bahasa Inggeris. Artis dapat dibahagikan dalam beberapa bidang seperti pelakon, pemuzik, penyanyi, pelukis dan banyak lagi. Pelakon atau aktor dalam Bahasa Melayu dapat didefinisikan sebagai seseorang yang melakonkan sesuatu watak sama ada di dalam pementasan seperti teater atau pun penerbitan seperti filem, drama, lakonan dan sebagainya. Untuk melakonkan watak, pelakon akan diberi watak khayalan untuk dilakonkan. Walau bagaimanapun, untuk kisah benar, pelakon akan memainkan watak sebagai orang nyata (Ecuador, 2022).

Seterusnya, mengikut kamus Dewan Bahasa edisi keempat, perkataan “pengacara” dapat didefinisikan sebagai seseorang yang menguruskan acara dalam sesuatu majlis, pertunjukan atau sebagainya (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2022). Pengacara majlis pula dapat didefinisikan sebagai seseorang yang dilantik secara rasmi dan diberikan amanah dan tugas untuk mengendalikan majlis mengikut aturcara dan protokol yang telah diberikan oleh pegawai protokol atau pengurus majlis. Biasanya pengacara majlis digunakan dalam majlis penuh isitadat, majlis rasmi dan formal, majlis rasmi tidak formal, majlis tidak rasmi tetapi formal, majlis tidak rasmi dan tidak formal dan majlis hiburan, TV atau radio (Aiman Fadhil, nd).

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Azhar Bin Sulaiman atau lebih dikenali dengan nama Azhar Sulaiman merupakan seorang pelakon, pengacara arkitek dan pereka set TV dan filem. Anak jati kelahiran Pahang ini telah dilahirkan pada 22 Julai 1971 di Bentong. Pada tahun 1989, beliau telah mendapatkan pendidikan awal di UiTM Manjung, Perak Darul Ridzuan dalam bidang Diploma Senibina, sebelum menyambung pengajian dalam Sarjana Muda Seni dalam Seni Bina di Universiti Newcastle Upon Tyne United Kingdom pada tahun 1997 dan meneruskan pengajiannya dalam bidang yang sama di Universiti Kingston, Upon Thames, London pada tahun 1999.

Memulakan karier lakonannya pada tahun 1989 melalui drama Cinta Dan Sayang. Kemudian, Beliau telah Berjaya dicalonkan sebagai Pelakon Lelaki Terbaik setelah melakonkan filem Mira Edora dan Interlud. Di usia setahun jagung, beliau berjaya meraih anugerah Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik Anugerah Skrin pada tahun 1995. Bukan itu sahaja, beliau terus mencipta rekod terbaru apabila gandingan bersama Amy Mastra telah berjaya meraih kutipan box office sebanyak tiga kali berturut-turut. Filem-filem tersebut ialah Impian pada tahun 1996, Klu pada tahun 1999 dan Trauma pada tahun 2004.

Di era 90an, wajahnya sering tampil di layer tv memainkan watak utama dalam filem-filem melayu terutamanya dalam filem yang bergenre romantik dan drama. Pelakon kakak ini cukup terkenal pada waktu itu, kesemua filem dan drama yang dilakonkan mendapat tempat pertama di hati peminatnya. Lakonannya yang cukup bersahaja dan santai berjaya menambat hati ribuan peminat dan penonton, peminatnya bukan sahaja tertumpu kepada wanita malah beliau turut mempunyai ramai peminat lelaki. Ini disebabkan oleh kualiti lakonannya yang cukup hebat seiring dengan pendidikan dan kepakarannya yang juga luar biasa.

Disamping aktif melakukan kariernya sebagai seorang pelakon, beliau juga tidak melupakan tugasnya sebagai seorang pelajar untuk menuntut ilmu. Hal ini dibuktikan setelah beliau berjaya menjadi seorang arkitek sepenuh masa di Design Nexus Architect untuk mencipta set drama dan filem. Seterusnya, beliau merupakan seorang arkitek di Studio Film milik KRU di Cyberjaya dan menjadi pereka set filem dan drama untuk mereka. Filem yang paling diingati kerana kehebatan filem setnya iaitu Cicakman merupakan idea beliau. Bukan itu sahaja, beliau juga telah terlibat dalam beberapa projek

Senibina ketika bekerja Bersama Firma arkitek di Malaysia dan United Kingdom. Beliau telah terlibat secara langsung didalam projek dalam dan luar negara.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan utama yang paling ketara dalam industri seni tanah air adalah isu bayaran pelakon veteran yang tidak setimpal dengan bakat dan pengalamanyang ditawarkan oleh mereka. Menurut Berita Harian yang ditulis oleh Farihad Shalla Mahmud dan Serimah Mohd Sallehuddin, terdapat ramai artis veteran seperti Jalil Hamid dan Fauziah Ahmad Daud yang menerima masalah yang sama iaitu isu bayaran pelakon veteran yang tidak munasabah malah, ada antara mereka mendakwa diperlekehkan syarikat produksi, memberi bayangan rendahnya nilai diberi segelintir penggerak industri kreatif terhadap insan seni ini. Industri seni di Malaysia sewajarnya memberi penghormatan kepada artis-artis veteran seperti di Hollywood contohnya Meryl Streep yang masih diberi peranan teraju utamapada usia 72 tahun, malah, menggondol trofi Pelakon Wanita Terbaik, Anugerah Akademi, pada usia emas. Semoga kajian ini dapat membuka mata pihak-pihakyang bertanggungjawab untuk menaikkan martabat artis-artis veteran di Malaysia

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

- 1.4.1 Untuk mengkaji latar belakang tokoh sepanjang kariernya sehingga kini.
- 1.4.2 Untuk mengetahui mengenai penglibatan dan sumbangan tokoh dalam kariernya.
- 1.4.3 Untuk mengenalpasti anugerah dan pencapaian yang telah diraih sepanjang kariernya.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian merujuk kepada perntanyaan seperti bagaimanakah kehidupan tokoh Azhar Sulaiaman sebagai Seniman Warisan Malaysia. Berikut adalah contoh persoalan kajian:

- 1.5.1 Apakah yang mendorong tokoh Azhar Sulaiman untuk menceburi bidang lakonan di usia yang muda?
- 1.5.2 Apakah penglibatan dan sumbangan terbesar tokoh Azhar Sulaiman sepanjang menjadi anak seni?
- 1.5.3 Apakah anugerah dan pencapaian terbaik yang telah dimiliki sepanjang menjadi anak seni?

1.6 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sumbangan dan penglibatan Azhar Sulaiman sebagai anak seni serta menceritakan pengalaman beliau yang sudah lebih 30 tahun dalam industri seni atau lebih tepat sebagai pelakon yang bermula pada tahun 1989 menerusi drama *Cinta Dan Sayang* bersama Norlida "Connie" Ahmad. Terdapat pelbagai pengajaran serta nasihat yang diberikan oleh Azhar Sulaiman kepada pewaris industri seni tanah air khususnya kepada anak muda yang berminat untuk menceburi bidang ini. Kajian ini juga dapat menarik minat dan membuka minda masyarakat tentang keadaan industri seni pada tahun '90an berbanding pada masa kini. Hal ini secara tidak langsung dapat memberi motivasi kepada penggiat-penggiat industri seni di Malaysia untuk meneruskan dan meningkatkan kualiti kerja dalam bidang lakonan khususnya. Kajian ini juga dapat memberi peluang kepada peminatpeminat Azhar Sulaiman untuk mengenali beliau dengan lebih dekat lagi melalui persoalan-persoalan peribadi tentang dirinya.

2.0 TINJAUAN LITERATUR

Menurut Muhd Shukri (2020), Industri Filem dapat melambangkan identiti dan jati diri sesebuah negara. Elemen-elemen yang terdapat di filem amat penting untuk membezakannya daripada filem komersial. Sebagai dasarnya, filem industri Melayu telah berkembang sejak berzaman lamanya atau lebih tepat pada tahun 1933. Filem industri Melayu dipercayai bermula di Singapura. Manakala, filem industri Malaysia bermula selepas pembetukan Malaysia.

Menurut Deni Afriadi (2019), drama melayu atau lebih dikenali sebagai "Bangsawan" merupakan titik pemula perkembangan teater di Tanah Melayu. Pada awalnya, sejarah drama Melayu bermula daripada penghijrahan pedagang India yang membawa wayang Parsi ke wilayah Riau (Tanah Melayu dan Sumatera). Kini, drama Melayu telah mengalami perubahan yang ketara.

Menurut Wifilhani (2014), asal usul Teater Tradisional Malaysia merupakan adat tradisi orang Melayu terutamanya di wilayah Sumatera Utara Malaysia dan Thailand. Disebabkan terjadinya akulturasi Teater Tradisional Malaysia berkembang di kalangan masyarakat sehingga kini. Di samping itu, Teater Tradisional ini sering dipersembahkan sebagai tontonan hiburan kerana sifatnya yang tidak rumit dan sesuai untuk semua jenis usia.

Menurut Raja Nur Fatimah Mawar Mohamed (2015), filem melayu berunsur patriotik sewajarnya diketengahkan untuk mendapatkan perhatian masyarakat dengan lebih serius. Hal ini berikutan, menurut beliau filem melayu yang membawa unsur patriotik sangatlah sedikit. industri Filem Malaysia mestilah mengangkat semangat patriotik kepada masyarakat kerana perkataan patriotik itu sendiri membawa maksud yang luas. Menggunakan pendekatan melalui filem sangatlah sesuai digunakan.

Menurut Syahrul Fithri Musa (2018), persembahan teater membolehkan pengarah bertindak dan menjadikan persembahan itu ringkas, padat dan mudah difahami kepada penonton. Antara ciri-ciri konsep minimalisme yang dapat diterapkan di dalam sesebuah filem teater ialah set, kostum, pencahayaan dan penataan bunyi. Konsep ini ugalah bukanlah sesuatu yang asing untuk industry teater.

Dikatakan bahawa kajian sejarah lisan sangat menarik, kerana setiap individu akan menemui pelbagai jenis pengalaman baru, melihat sejarah dari semua aspek, dan juga mengenali lebih ramai orang. Ini adalah bidang pengajian yang sangat luas, meliputi semua segmen masyarakat, seperti orang biasa, ketua masyarakat, gabenor, menteri kabinet, penulis terkenal, penulis, perniagaan dan banyak lagi. (Rozeman, 2004)

Safiah Hussain (1988) menjelaskan bahawa lakonan ialah istilah umum yang bermaksud persembahan teater, persembahan teater, karya tiruan, atau genre sastera. Terdapat perbezaan antara persembahan dan bentuk seni lain. Bentuk seni di seluruh dunia mempunyai alat yang membolehkan orang ramai mencipta seni. Pelakon juga mempunyai alat mereka sendiri untuk berkomunikasi dan merealisasikan karya seni persembahan. Alat utama yang digunakan pelakon untuk mencipta persembahannya ialah suara dan bahasa badannya. Lakonan digambarkan sebagai ruang di mana seorang pelakon atau beberapa pelakon terlibat dalam melakukan pelbagai jenis lakonan.

Menurut Alterman, G. (1999) Beliau menyatakan bahawa pelakon ialah individu yang melakukan lakonan di atas pentas dan ditonton oleh individu lain sebagai penonton. Sebagai seorang pelakon, aksinya dalam teater akan dinilai dan dikritik oleh penonton. Pelakon bertindak sebagai saluran komunikasi sehala atau dua hala kepada penonton, dan elemen ini penting dalam menanamkan kepercayaan kepada penonton. Bagi persembahan monodrama, ia merupakan satu cabaran besar

kepada pelakon, memandangkan mereka akan beraksi bersendirian di atas pentas, ia memerlukan komunikasi dua hala dalam masa tertentu.

Representasi yang diperlihatkan oleh pelakon lebih menekankan kepada aspek vokal, penghayatan, imaginasi, aksi dan ekspresi wajah pelakon. Kenyataan yang dikutip dari tulisan Mack, O. (1993) telah menyatakan bahawa ekspresi wajah bermaksud sebagai demonstrasi emosi yang jelas diperlihatkan melalui memek wajah. Manakala definisi vokal pula dimaknakan sebagai suara yang dikeluarkan melalui pernafasan yang betul dan getaran kod suara yang akhirnya menghasilkan ton yang spesifik.

Seni teater merupakan satu seni yang rumit dan kompleks. Teater adalah gabungan pelbagai cabang kesenian seperti tarian, lakonan, nyanyian, muzik seni visual dan multimedia. Seni berteater menggabungkan tiga unsur yang penting dalam penilaian diri iaitu V. A. K; visual, audio, dan kinestetik (gerak) termasuk bunyi, suara, muzik, gerak dan bahasa badan (Staub. 1973:2)

3.0 METODOLOGI

Temubual ini akan dilakukan bersama salah seorang seniman warisan negara, Azhar Sulaiman. Temubual ini dilakukan bertujuan untuk mengkaji, mengetahuui dan mengenal pasti perkhidmatan beliau sepanjang kariernya sebagai pelakon, pengacara, arkitek dan pereka yang tersohor. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 13 Julai 2022 bersamaan dengan hari rabu pada pukul 12 tengah malam secara atas talian melalui aplikasi Whatsapp Call. Temubual ini dikendalikan oleh Fatimah Balqis Binti Shuhaimi @ Mohd Nasir dan Mohd Irfan Bin Abd Wahab

3.1 PENDEKATAN KAJIAN

Kajian ini akan dilakukan secara kajian sejarah lisan. Sejarah lisan merupakan satu teknik yang sering digunakan semasa temubual melalui kaedah temu ramah atau penceritaan. Semasa temubual dijalankan, tokoh tersebut akan dirakam untuk tujuan kajian pada masa hadapan. Kami akan menemu bual seniman warisan Azhar Sulaiman secara atas talian. Semasa temubual dijalankan, segala aktiviti, percakapan dan perbuatan akan dirakam secara langsung. Kami juga akan menggunakan kaedah bertulis untuk merekodkan segala isi-isi penting sepanjang tembual berlangsung.

3.2 PESERTA KAJIAN

Azhar Bin Sulaiman atau lebih dikenali sebagai Azhar Sulaiman telah dipilih sebagai tokoh yang akan ditemubual untuk kajian ini. Sesuai dengan tema yang telah ditetapkan iaitu “seniman negara” atau “seniman warisan”, beliau merupakan orang yang paling tepat untuk ditemubual. Hal ini kerana beliau telah memasuki karier lakonannya dari tahun 1989 dan telah melakonkan lebih dari puluhan watak di layar televisyen seperti filem, drama dan telefilem. Beliau telah mempunyai hampir 33 tahun pengalaman dalam lakonan. Sepanjang kariernya, beliau telah mengutip pelbagai anugerah dan pencalonan. Azhar Sulaiman merupakan seorang pelakon, pengacara, arkitek dan pereka yang tersohor di Malaysia. Lahir pada tanggal 22 Julai 1971 di Bentong, Pahang, Malaysia dan kini telah pon berusia 51 tahun. Beliau telah berkahwin pada tahun 1996 bersama Chempaka Emalin Pahamin dan telah dikurniakan tiga orang anak, seorang anak lelaki dan dua orang anak perempuan.

3.3 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA

Prosedur pengumpulan data merupakan cara- cara atau Langkah-langkah yang digunakan untuk mengutip data sepanjang kajian. Kaedah pengumpulan data dapat mempengaruhi kesasihan dan kebolehpercayaan kajian. Pada mulanya, kami telah mencari seberapa maklumat yang boleh menambah pengetahuan kami tentang beliau melalui internet. Hal ini penting supaya kami mengetahui dan memahami tentang beliau agar memudahkan proses kajian dan sesi temu bual nanti. Selain itu, kami juga akan mengadakan temu bual pada tarikh yang akan diberitahu kelak. Temubual bersama beliau akan dilakukan secara atas talian melalui kaedah bersemuka. Maklumat akan diperoleh secara langsung daripada tokoh Azhar Sulaiman sendiri. Kaedah ini bertujuan untuk mendapatkan latar belakang dan pandangan dari tokoh tersebut. Segala data dan maklumat kajian akan direkodkan oleh kami sepanjang tembual itu berlangsung.

3.4 CARTA GANT PROJEK

No	Aktiviti	Minggu 2	Minggu 4	Minggu 6	Minggu 8	Minggu 10	Minggu 11	Minggu 12	Minggu 13
1	Dapat maklumat mengenai tugas sejarah lisan dari pensyarah	✓							
2	Mula membuat kajian mengenai seniman veteran	✓							
3	Pemilihan pertama memilih Cikgu Salizi, Hail Amir, DJ Dave Dan Azhar Sulaiman	✓							
4	Mencari maklumat mengenai tokoh		✓						
5	Pemilihan akhir adalah Azhar					✓			

	Sulaiman								
6	Menyiapkan abstract untuk mendapatkan kelulusan pensyarah					✓			
7	Mengisi form untuk mendapatkan borang kajian			✓					
8	Mendapatkan kelulusan pensyarah untuk membuat penyelidikan keatas Azhar Sulaiman					✓			
9	Menyiapkan proposal						✓		
10	Menyiapkan preliminary notes					✓			
11	Menyiapkan soalan untuk sesi temubual						✓		
12	Sesi temubual berjalan								✓

4.0 TRANSKRIP TEMUBUAL

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang lakonan, pengacaraan dan arkitek yang terkenal. Bersama-sama kami ialah Encik Azhar Sulaiman yang merupakan salah seorang anak seni tanah air. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 13 Julai 2022 bersamaan dengan hari rabu pada pukul 12 tengah malam secara atas talian melalui aplikasi Whatsapp Call. Temubual ini dikendalikan oleh Fatihah Balqis binti Shuhaimi @ Mohd Nasir dan Mohd Irfan bin Abd Wahab. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan

Petunjuk:

AS: Azhar Sulaiman
FB: Fatihah Balqis
MI: Muhammad Irfan

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG PERIBADI

MI: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang lakonan, pengacaraan dan arkitek yang terkenal. Bersama-sama kami ialah Encik Azhar Sulaiman yang merupakan salah seorang anak seni tanah air. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 13 Julai 2022 bersamaan dengan hari rabu pada pukul 12 tengah malam secara atas talian melalui aplikasi Whatsapp Call. Temubual ini dikendalikan oleh Fatihah Balqis Binti Shuhaimi @ Mohd Nasir dan Mohd Irfan Bin Abd Wahab. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan

FB: Apakah nama penuh Encik Azhar?

AS: Okay, Assalamualaikum terima kasih kerana sudi memilih saya sebagai tokoh untuk kali ini “and” okay saya perkenalkan nama saya Azhar bin Sulaiman dan “my stage name is” Azhar Sulaiman saya cuma tidak menggunakan bin je sebab nama saya dan nama ayah saya tu adalah satu “brand” jadi saya guna nama yang lain saya kekalkan nama “original” sebagai nama pentas saya.

FB: Oooo soalan yang kedua, berapakah umur Encik Azhar

AS: Okay, walaupun “Covid” melanda selama 2 tahun umur saya tetap meningkat. Saya dilahirkan pada 22 Julai tahun 1971, umur saya 50 tahun pada tahun ini.

FB: Soalan seterusnya, dimanakah Encik Azhar dilahirkan dan dibesarkan?

AS: Saya dilahirkan di Bentong, Pahang. Zaman persekolahan saya terbahagi kepada dua semasa sekolah rendah sehingga tingkatan 3 di Bentong, Pahang. Tingkatan 4 dan 5 pula di Kuantan. “So, mostly” di Bentong, Pahang.

FB: Dimanakah Encik Azhar menetap sekarang?

AS: Buat masa ini, saya menetap di kampung Sungai Pecala.

FB: Boleh kami tahu bilakah Encik Azhar mula mendirikan rumah tangga?

AS: Saya telah mendirikan rumah tangga pada 23 Julai tahun 1995

FB: Ketika itu berapakah umur Encik Azhar?

AS: Telah memasuki 25 tahun

FB: Jika mempunyai waktu lapang, Apakah yang biana Encik Azhar akan lakukan?

AS: Saya seorang yang hiperaktif jadi saya suka melukis ataupun bertukang serta kerja tangan seperti membaiki basikal atau motorsikal. Saya seorang yang menyendiri dan banyak menghabiskan masa didalam “workshop”. Kalau “you” tengok “I” punya “Youtube” “you” mungkin dapat “some” idea tentang aktiviti saya.

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG KELUARGA

FB: Seterusnya, untuk bahagian yang kedua iaitu latar belakang keluarga, siapakah nama ibu Encik Azhar?

AS: Nama ibu saya Wook binti Mat Adan dan berasal dari Batu Talam, Raub, Pahang. Nama bapa saya Sulaiman bin Ismail dan kedua-duanya telah meninggal dunia

FB: Inna Lillahi wa inna ilayhi raji'un, seterusnya bolehkah Encik Azhar ceritakan kepada kami bagaimana ibu dan bapa mendidik Encik Azhar?

AS: Saya dibesarkan dalam sebuah keluarga yang besar dan mempunyai 13 orang adik-beradik. Arwah bapa saya adalah seorang askar dan juga bekas guru. Dia tidak banyak bercakap tetapi seorang yang sangat garang dan sentiasa menyoal saya tentang sifir dan ejaan. Ketika kecil mereka selalu memulas perut saya dan menyoal tentang sifir dan ejaan. Dia selalu memanggil saya seperti “Azhar, sini sekejap” saya menganggap mereka mahu memberi duit untuk membeli ais krim tiba-tiba dia memulas perut saya. “12 darab 8 berapa?” kalau tak ingat nanti jangan berhenti baca sifir. Jadi, keluarga saya terlalu agak menitikberatkan pelajaran kerana mereka tahu hanya pelajaran yang dapat menyelamatkan kita “not her not my father”. Jadi, adik-beradik saya pon ramai yang memasuki universiti seperti abang dan kakak. “Being the youngest” macam perlu “follow” dan ikutlah. Menjadi satu budaya dalam keluarga saya menitikberatkan akademik.

FB: Boleh kami tahu apakah nama isteri Encik Azhar?

AS: Isteri yang pertama atau yang keberapa?

FB: Isteri yang sekarang

AS: Chempaka Emalin binti Pahamin

FB: Dimanakah isteri Encik Azhar berasal?

AS: Dia berasal dari Kelana jaya, Selangor

FB: Adakah isteri Encik Azhar juga bekerja?

AS: Ya, isteri saya bekerja sepenuh masa sebagai peguam dan beliau mempunyai syarikat guaman sendiri di Damansara perdana

FB: Berapakah cahaya mata Encik Azhar?

AS: Saya mempunyai 3 orang cahaya mata yang sulung adalah Kasih Leia Ixora, dia sekarang berada di kampung orang asli sedang membuat “thesis” tentang hidup orang asli. Baru bertolak pada pagi tadi. “My number 2” 20 tahun yang bernama Rees, lelaki, anak tunggal saya yang sedang membuat “internship” di salah sebuah _ _ _ _ _ “Law firm” di Mont Kiara. Jadi dia akan bertolak ke UK (United Kingdom) pada bulan 9 untuk menyambung kursus guaman _ _ _ _ _ . ‘My youngest’ Leona, dia sedang “happy” [gembira]

berkerja dengan “AirAsia”. Saya berharap “AirAsia” akan mengambil dia untuk “you know, marketing” ataupun “promotion” apabila dia sudah tamat belajar di university pada bulan 9 nanti.

FB: Adakah mereka masih tinggal Bersama Encik Azhar?

AS: Ya, semuanya masih meminta duit saya (ketawa).

FB: Adakah anak-anak Encik Azhar yang mendirikan rumah tangga?

AS: Saya agak risau ‘my son’ tu takda ‘girlfriend’ jangan dia ‘gay’ sudah. ‘My’ _ _ _ _ dia suka ‘this Chinese boy so I’ pon tidak tahu apa yang perlu dilakukan “but okay” kerana sudah mempunyai teman lelaki. Leona sudah mempunyai ‘boyfriend Chinese boy’ jugak itula Rees tidak mempunyai ‘girlfriend’. ‘you’ jadi ‘boyfriend’ Rees untuk membuktikan bahawa dia tidak ‘gay’. ‘I’ risau betul dengan ‘my son’ ni (ketawa).

FB: Inshallah (ketawa)

AS: Doakan suapaya dia tidak ‘gay’.

FB: Boleh kami tahu cara Encik Azhar dalam mendidik anak-anak?

AS: ‘I’ dibesarkan dalam keluarga yang ‘strict’ di kampung dulu ‘so’ bila ‘I’ mendirikan rumah tangga dengan Cempaka, kami membawa apa yang kami belajar daripada keluarga masing-masing. Jadi, mungkin duduk die Kuala Lumpur ‘you know’ dengan ‘environment’ membesarkan anak di KL (Kuala Lumpur) agak berbeza. Sejak kecil mereka dihantar ke ‘kindergarten, classes and all’. Jadi kita risau mereka akan tercicir dalam pelajaran. Jadi, kita ‘put more effort’ untuk beri mereka ‘involved’ dengan aktiviti. Mana yang mereka mahu kami akan ‘support’ mana yang mereka tidak mahu mereka akan tinggalkan. Selepas setahun atau dua (2) tahun. Seperti ‘ice skating’ hanya tinggal Rees sahaja yang lain sudah tinggalkan. ‘So, I think we tried to be supportive as much as possible in whatever and’ macam Kasih, dia sedang ‘process’ untuk mengeluarkan lagu 2-3 hari lepas. ‘So, I’ pun sedang menolong dia untuk meneluarkan lagu pertama dia ‘hopefully you guys’ meminatinya.

FB: Kami ‘support’

AS: Nama dia Kasih Leia Ixora ‘hopefully’ lagu pertama dia akan menjadi.

FB: Jika ada diantara anak Encik Azhar yang ingin mengikuti jejak langkah Encik Azhar, adakah Encik bersetuju?

AS: ‘You’ tidak perlu bertanya tentang itu kerana mereka semua tidak meminati bidang tersebut (ketawa). Mereka tidak mahu dan bukan kearah bidang tersebut.

FB: Mereka mempunyai pilihan masing-masing?

AS: Semua ada acara masing-masing dan tidak mahu dilihat oleh semua orang. Dia bukan seperti bapanya yang tidak tahu malu (ketawa).

FB: Sebagai seorang bapa, Adakah Encik Azhar seorang yang tegas dalam mendidik anak-anak?

AS: Saya tegas mengikut undang-undang seperti bapa-bapa yang lain juga tapi ‘I’m a bit relax’ dan tegas saya bertempat. Jangan lakukan apa yang boleh membuatkan orang marah. ‘So being kids is better I think there are just being normal kids’. Tidaklah melakukan perkara yang memeningkan kepala kecuali ‘my daughter, Leona’ dah banyak kali orang tegur masih lagi tidak berubah ‘I’ pon taktau nak cakap apa.

FB: Kami pon antara ‘fans’ dia juga

AS: Ramai orang memebel ‘anak engkau baju terlondeh’. Berapa kali mahu cakap. Kucing pun dua tiga (2-3) kali dah tahu ‘so, I’ tidak tahu mungkin ‘does not possess with intelligence’.

FB: Bagaimanakah Encik Azhar membahagikan masa dengan baik untuk beberapa pekerjaan yang berbeza?

AS: Tidak terbaik kerana pening kepala (ketawa). ‘Off course’ akan ada ‘clash time’ tapi ‘what is important’ jangan rasa ‘down’ sangat apabila ‘facing obstacles’. Malas la nak kata ‘able to manage time’ sebab akan ade ‘clashing of time so,’ perlu ‘manage’ supaya orang tidak marah dan mengamuk. Jika tidak, akan keluar surat khabar orang mahu saman ‘I’ (ketawa).

FB: Bagaimana pula Encik Azhar mengurus masa antara keluarga dan kerjaya

AS: ‘Nature of my work basically’ macam ini, ‘everyday I’ akan buat kerja yang berbeza jadi, ‘most of the time I’ ada dengan ‘family and my kids’ semua tidak memasuki asrama penuh. Jadi, ‘there are always with us everyday’. ‘You’ duduk asrama?

FB: Masuk tetapi tidak lama.

AS: Sebenarnya 'Parents' hilang anak-anak semasa 'form 1' tetapi saya tidak hilang mereka kerana mereka tidak ke asrama penuh. Jadi, 'it's different' anak-anak yang menetap di SBP (sekolah berasrama penuh) dengan yang menetap di rumah jadi _ _ _ _ lain dengan anak-anak. Sebab kita mengadap mereka hari-hari, harini baik esok buat perangai lusa berperang (ketawa). Ada hari mahu bertikam dengan pisau selepas itu sekejap lagi pergi ke 'Mcdonald' untuk makan aiskrim. 'You know, kids.'

FB: Kami pon begitu juga(ketawa)

AS: Anak saya dengan 'you' pun sama sahaja. 'How old are you?'

FB: 'We're 22'

AS: Sama dengan Kasih yang pergi kampung orang asli (ketawa). Kamu berdua tidak mahu pergi? Dia tidak tahu pergi ke kampung orang asli itu 'toilet' _ _ _ _ _.

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: PENDIDIKAN AWAL

FB: Bilakah Encik Azhar mula mendapatkan pendidikan awal?

AS: Pendidikan awal bermula di rumah (ketawa). Rumah saya mempunyai bermacam-macam jenis buku jadi perlu belajar daripada rumah. Mula bersekolah di sekolah rendah Sungai Marung seterusnya 'Form 1' bersekolah di Sekolah Menengah Ketari sehingga 'Form 3'. Masa sekolah saya 'excel' dalam 'study' saya sekolah rendah sehingga sekolah menengah 'and' selalu menjadi 'prefect', badan saya besar dan menjadi atlet. Saya seorang yang mungkin zaman sekolah itu 'I lived a happy life because' ketika sekolah rendah semua guru-guru saya adalah kawan kepada ibu bapa saya. Bila adik bongsu, 'you' dijaga oleh 'everybody'. Jadi bila dijaga, kamu tidak boleh nakal kalau tidak mereka akan 'report'. Hidup snetiasa dalam ketakutan sebenarnya (ketawa). Sebab anak yang ade 'constant monitory by me'

FB: Adakah Encik Azhar masih ingat cita-cita semasa kecil?

AS: Masa kecil saya menjadi pencipta macam orang yang cipta 'rice cooker', washing machine', 'television' dan sebagainya. Saya mahu menjadi orang yang mencipta sesuatu

benda. Tetapi, ketika dahulu tiada 'industrial course' jadi saya memilih 'architecture'. Jadi, masuklah 'architecture' di Manjung. 'I' ingat UITM Manjung itu seperti UITM Dungun tepi laut semua tetapi hanyalah 'Shoplot'(ketawa). Belajar UITM tetapi semuanya 'Shoplot'. Hidup terasa seperti tersisih sedikit kerana kawan-kawan yang memasuki Universiti yang terkemuka.

FB: Sepanjang di bangku sekolah, adakah Encik Azhar seorang yang aktif?

AS: Saya seorang yang 'super active'. Saya 'prefect', saya ahli sukan, olahragawan, kelab agama, kelab Bahasa Melayu, kelab sains dan pernah memenangi pertandingan reka cipta sewaktu darjah 5. Saya mencipta alat amaran banjir untuk pertandingan saintis muda Pahang ketika darjah 4. Bila saya bertukang di rumah, saya sering membawa rekaan saya ke sekolah untuk tunjuk kepada rakan-rakan tetapi seorang cikgu telah ternampak dan bertanya 'kau nak masuk pertandingan tak? Saya pun masuk pertandingan tersebut. Untuk sukan, 'I' pelumba basikal peringkat daerah, 'I' pelari untuk daerah acara 100,200 meter,400,4x100,4x4, merentas desa. 'I' dulu seorang 'Iroman' ketika sekolah (ketawa) tetapi tiada 'girlfriend' kerana tidak suka perempuan. Ramai orang yang menganggap saya pondan mungkin Rees pun begitu. Kami tidak peduli tentang perempuan. 'I' pernah bertanya 'Rees, kenapa tiada 'girlfriend''? Dia menjawab kerana tiada duit. Saya berkata kenapa perlu duit? dan dia menjawab 'I'm not taking them to Mcdonald' (ketawa). Budak-budak UiTM (Universiti Teknologi MARA) memang sudah tidak pergi ke 'Mcdonalds'?

FB: Kami masih pergi ke 'Mcdonalds'(ketawa)

AS: Kalau ada girlfriend bawa la dia pergi ke 'Mcdonalds'. Dia (Rees) tidak mahu membawanya ke 'Mcdonalds'(ketawa). 'So' dia berkata tiada duit jadi tidak perlu 'girlfriend'

FB: Apakah mata pelajaran kegemaran Encik Azhar ketika di bangku persekolahan?

AS: Entah la, saya tidak tahu. Belajar untuk 'survive' sahaja tidak ada seperti 'I'm in love with this subject'. Dahulu belajar untuk nak 'score' dan untuk lepas mata pelajaran tersebut sahaja tapi 'I' rasa sejarah membuatkan 'I' menjadi 'smart' pengetahuan tentang sejarah, geografi, politik dan ekonomi. 'So, only now I' tahu sejarah tu 'when you put them together'. Sejarah ada berbagai tetapi 'you' boleh susun mengikut tahun 'and then you' boleh tahu apa yang berlaku selepas apa dan mengapa ia berlaku. 'So', you understand things better. 'Maybe I love' sejarah tapi masa pada masa dahulu belajar hanya untuk lulus sahaja.

FB: Adakah mana-mana cikgu sekolah yang Encik Azhar masih ingat dan kenapa?

AS: Ada di 'Facebook'(ketawa). Ada la 'I' pergi ke beberapa sekolah untuk memberi 'motivational talk' kepada 'student' 'for a few schools' yang 'I' pernah belajar dahulu.

FB: Pernahkah Encik Azhar terfikir untuk menyambung pengajian sehingga ke tahap ini?

AS: 'You' mesti tahu semasa 'I' belajar di UiTM Manjung, selama dua (2) semester 'I best student' dan dia [Pihak UiTM] akan 'print you' punya 'result' di 'board every project' 'So, I' tak pernah rasa sehebat itu semasa belajar tidak selalu seperti itu nombor 1 'all the time'. 'So' semua 'lecturers' menaruh harapan tinggi kepada 'I'. Mereka berkata kepada saya kalau pergi ke UiTM Shah Alam dengan godaan UiTM Shah Alam. 'I' cakap tiada siapa yang boleh mengoda saya (ketawa). Selepas seminggu 'I' memasuki UiTM Shah Alam 'I' kena 'culture shock' dan dapat tawaran berlakon tidak berenti-henti. 'So' bila tak berhenti-henti 'I' banyak 'skip' kelas akhirnya 'I failed' empat (4) semester. 'You' bayangkan malu atau tidak. Walaupun dengan tekanan yang begitu tinggi, saya habiskan juga. Dekan memanggil saya sebanyak dua (2) kali dan menyuruh saya menjadi pelakon sepenuh masa tetapi saya tidak mahu. Nanti tidak 'best' kerana pernah memasuki UiTM (tetapi tidak menghabiskannya. Jadi, bagi saya habiskanlah encik, Jadi habislah selepas 4 semester kantai (ketawa). Jadi, apabila sudah habis diploma 'I' pun nak cuci tangan 'I' nak fokus dalam 'architecture so I apply' dan 'I' dapat belajar di Newcastle untuk buat 'degree' dan buat 'post graduate' diploma di _ _ _ _ dan boleh lihat di 'wikipedia'.

FB: Apaakah yang mendorong Encik Azhar untuk menyambung pengajian

AS: Saya mahu menjadi orang yang berjaya, saya tidak tahu berjaya yang bagaimana 'but I want to be successful, I think academic and good behaviour is a _ _ _ _ what I am using to move forward.

FB: Adakah institusi tersebut menepati keinginan Encik Azhar pada ketika itu?

AS: Semua tempat mengajar saya perkara yang berlainan 'and I think I have become a better person thank god I' belajar di tempat yang berlainan dan berjumpa dengan orang-orang yang macam-macam 'from friends, institution, surroundings and especially' semasa di UK (United Kingdom). Di sana 'you' dapat tahu macam-macam perkara contohnya information tentang design, from student lain dan juga buku-buku lain di sana.

FB: Apakah faktor yang mendorong Encik Azhar untuk mengambil kursus tersebut?

AS: 'I' semasa 'architecture I' tidak tahu pun tentang kursus itu. 'I' minta 'aeronautical engineering, di UiTM (Universiti Teknologi Mara) Skudai. 'Lecturer I' suruh 'I' mamasuki UiTM (Universiti Teknologi MARA). Dia memberi buku UiTM (Universiti Teknologi MARA) 'so, I' mencari 'courses' apa yang paling mencabar. 'Course' yang paling susah di situ adalah 'architecture so I' ambil 'architecture' (ketawa). Itulah sebabnya tiba-tiba 'result score'(ketawa). Mungkin nasib saya baik kerana memilih 'course' yang sesuai dengan jiwa saya.

FB: Pernahkah Encik Azhar menerima sebarang biasiswa ataupun bantuan sepanjang pengajian?

AS: Ada, semasa saya belajar di UK (United Kingdom) saya dibawah (ditaja) 'Petronas'

FB: Apakah pesanan yang sering diungkapkan oleh ibu dan bapa Encik Azhar sepanjang bergelar mahasiswa?

AS: Belajar betul-betul dan menjadi orang yang berguna (ketawa). Itu sahaja

FB: Siapakah rakan baik Encik Azhar ketika di Universiti?

AS: Ramai.

FB: Adakah Encik Azhar masih berhubung dengan mereka?

AS: Ada 4 'group'(ketawa)

FB: Masih berhubung dengan semua?

AS: Ya

FB: Adakah Encik Azhar pelajar yang aktif semasa di Universiti?

AS: Ya sangat aktif, ada sahaja aktiviti kesenian yang saya akan sertai

FB: Apakah kelab dan persatuan yang pernah Encik Azhar sertai sepanjang pengajian?

AS: Kalau di UiTM (Universiti Teknologi MARA) Shah Alam, 'I' menyertai PBSM (Persatuan Bulan Sabit Merah). 'I' tidak meminati kawad jadi saya memilih PBSM (Persatuan Bulan Sabit Merah) kerana semua kelas di dalam 'Aircond'.

FB: Apakah pengalaman manis Encik Azhar yang tidak dapat dilupakan sehingga sekarang sepanjang menjadi mahasiswa?

AS: Mendapat diploma di UiTM (Universiti Teknologi MARA) Shah Alam selepas empat (4) semester gagal. Susah untuk mendapat (diploma) selepas gagal beberapa kali.

FB: Adakah Encik Azhar masih mempunyai Hasrat untuk terus menyambung pengajian di masa yang akan datang?

AS: Inshaallah, jika ada.

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: AWAL KERJAYA

FB: Bolehkah Encik Azhar ceritakan sedikit sebanyak kepada kami sejarah pekerjaan Encik Azhar daripada awal selepas tamat pengajian?

AS: Semasa balik daripada UK (United Kingdom), 'I' kerja dengan 'company' kecil dan 'I grow with the company so,' masa itu 'I' membawa masuk projek kepada 'company' kecil ini yang bernilai dua belas juta ringgit (RM12000000). 'So,' dapat membeli 'office' baru. Daripada itu 'I' membawa masuk projek kepada 'company' tersebut. 'So,' selepas melakukan beberapa projek bersama mereka projek _ _ _ _ studio 'KRU' di Cyberjaya, saya berhenti bersama mereka dan melakukan 'freelance' dan menjual saya punya 'design' kepada 'firm-firm architech'. Saya akan mengambil 'portion' itu untuk membuat 'design' awal projek sebelum syarikat arkitek itu meneruskan 'design' itu. Selepas itu saya bekerja dengan 'company Nexus' tetapi sebelum itu saya bekerja dengan '_ _ _ company' dan menjadi 'advisor to _ _ _ 'company' daripada syarikat perfileman, membuat drama, syarikat air, syarikat menjual susu unta. 'I was company strategist' bagaimana ingin 'penetrate market'. 'Then I' dengan 'architech firm in KL (Kuala Lumpur) sebagai _ _ _ _ _ menjaga 300 ratus orang staf. Selepas itu saya 'quit' dan bekerja dengan sebuah 'company' bernama 'Adab Capital'. Ia mempunyai 33 'company dibawahnya. Saya menjadi pegawai _ _ _ kepada 'Chairman so' saya ditugaskan untuk 'over see' 33 'company' itu dari segi _ _ _ _ . Ada 'company oil and gas, perfileman, 'F and B (Food and Beverages) dan satelit 'phone'. 'That is what im doing now' ada masa 'free' sikit saya akan sibuk berlakon sejak bulan 12. 'So, I jump between locations shooting and office'

FB: Pada umur berapakah Encik Azhar mula bekerja?

AS: Saya mula bekerja pada umur sembilan belas (19) tahun. ‘Start’ berlakon ‘advertisement’ dan drama.

FB: Bagaimanakah Encik Azhar mendapatkan pekerjaan tersebut?

AS: Rezeki daripada Allah, orang melihat saya senyum dan bertanya ‘Engkau nak kerja tak?’ (ketawa) mungkin orang kesian melihat muka saya. ‘Parents you’ melihat muka ‘I’ pun mungkin kesian (ketawa).

FB: Adakah Encik Azhar masih ingat berapakah gaji pertama?

AS: Gaji pertama saya semasa saya bekerja sebagai pelakon drama utama adalah tujuh ribu ringgit (RM7000), iklan pertama saya bernilai lapan belas ribu ringgit (RM18000). Tapi Leona lagi banyak lima belas ribu ringgit (RM15000) sehari.

FB: Siapakah yang memberi dorongan kepada Encik Azhar untuk mendapatkan pekerjaan tersebut?

AS: Tiada siapa, pekerjaan datang kepada saya Alhamdulillah ini rezeki saya.

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN 5: PENGALAMAN MENYERTAI HERO REMAJA

FB: Mengenai pengalaman Encik Azhar ketika menyertai ‘Hero Remaja’, bolehkah Encik Azhar ceritakan kepada kami sedikit sebanyak tentang pertandingan tersebut?

AS: Semasa saya menjadi pelakon dahulu, saya selalu mendapat ‘special treatment’ daripada ‘reporter’ kerana saya seorang pelakon dan saya tiada kes. Jadi, ‘reporter’ selalu suka kepada saya ada satu masa, abang __ Razman berjumpa saya dan berkata ‘adik, masuk ‘Hero Remaja’ nak tak?’ dan saya menjawab ‘boleh’ kerana die menjemput dan waktu itu tiada rasa apa-apa ‘I think’ edisi yang pertama yang kami sertai. So, tiada rasa apa-apa, siapa yang paling ‘handsome’ (ketawa)

FB: Dalam pertandingan tersebut, Encik Azhar telah mendapat tempat ke berapa?

AS: Saya mendapat tempat ketiga (3)

FB: Adakah Encik Azhar masih ingat pertandingan itu pada tahun berapa?

AS: Sembilan puluh dua (92) atau sembilan puluh tiga (93)

FB: Kami tidak lahir lagi pada masa itu (ketawa)

AS: La Ilaha Illallah (ketawa) Saya dah 'Superstar' (ketawa)

FB: Apakah tugas yang paling sukar dilaksanakan semasa berada di pertandingan 'Hero Remaja'?

AS: (ketawa) 'Are you serious?' apa yang susahny senyum (ketawa)

FB: Bagaimanakah pertandingan 'Hero Remaja' membantu dalam kerjaya Encik Azhar

AS: 'I' pun tak pasti, sebenarnya tiada pun pada zaman dahulu. Hanya membuatkan saya menjadi terkenal itu sahaja

FB: Apakah perbezaan 'Hero Remaja' pada zaman Encik Azhar dan pada masa sekarang?

AS: Mungkin pada zaman sekarang mereka (pihak produksi) mencari 'criteria' yang lain dan mempunyai muka, pelajaran dan 'good background' supaya menjadi 'good role model' kepada 'leading a healthy life have a good background and have a good career so I think it's a good promotion' untuk 'promote towards healthy living and smart living.

TAMAT BAHAGIAN 5

BAHAGIAN 6: KERJAYA SEBAGAI PELAKON

FB: Bolehkah Encik Azhar ceritakan kepada kami mengapa Encik Azhar memilih untuk menceburi bidang lakonan?

AS: Saya tidak pilih tetapi saya telah dipilih. Bapa saya tidak memberi saya berlakon tetapi 'director' memujuk bapa saya untuk benarkan saya berlakon. Berlakon ini pun tidak sengaja kerana cikgu membawa saya ke KL (Kuala Lumpur) untuk berjumpa dengan kakak beliau. Kakak beliau adalah seorang 'assistant director' dan beliau bertanya 'adik mahu berlakon?' selepas itu beliau menyuruh saya membuat 'screen test' dan 'audition'. Selepas itu, mereka memberi saya skrip dan berlakon. Selepas itu, beliau berkata 'oh okay 'you' dapat nama.

'You' berlakon dengan Norlida Ahmad. Jadi, 'I' pun tidak tahu apa yang berlaku. Saya terus pulang ke kampung Bentong dan 'father I' marah dan berkata 'jangan nak mengada-ngada tiada berlakon dan habiskan belajar 'Producer datang ke rumah dan berjumpa arwah bapa. Akhirnya, cerita itu buat di Bentong dan 'shoot' _ _ _ .Cerita yang pertama itu memang mudah untuk saya kerana 'Azhar, jadi diri awak'(ketawa). 'So, that is how I started to act, and' kalau 'advertisement' itu 'I' duduk seorang diri sedang meminum air selepas itu 'Talent Agency' nampak saya dan tanye 'adik, 'you' minat tak buat iklan?' dan terus mendapat 'job'. Saya rasa nasib saya baik dalam bidang ini. Tanpa perlu berusaha dan tanpa perlu membuka mulut (ketawa).

FB: Siapakah yang menolong Encik Azhar untuk menceburi bidang lakonan?

AS: Cikgu saya, cikgu Shahrudin dari sekolah Sulaiman Bentong.

FB: Adakah menjadi pelakon menjadi minat Encik Azhar sejak kecil?

AS: Tidak.

FB: Berapakah umur Encik Azhar ketika mula menceburi bidang lakonan?

AS: Lapan belas (18).

FB: Apakah lakonan drama dan filem pertama Encik Azhar?

AS: Drama, 'Cinta dan Sayang'. Filem, 'Riang Tirana'.

FB: Bolehkah Encik Azhar ceritakan kepada kami perasaan ketika pertama kali berlakon?

AS: 'Time' berlakon masuk set saya berasa takut, membuat silap dan takut dimarahi itu sahaja.

FB: Bagaimanakah persepsi orang sekeliling terhadap Encik Azhar ketika mula menjadi pelakon?

AS: Mereka menganggap 'I' sebagai anak emas dan semua orang seperti 'engkau ni siapa dan kenapa semua orang ikut cakap engkau'(ketawa). Jadi, 'I was welcomed into the industry with a red carpet'. Benda ini tidak susah pada 'I' jadi apabila orang bertanya 'I' tidak boleh kalau tidak 'share' kerana ia berlaku tanpa dijangka.

FB: Apakah keadaan sekeliling berubah selepas Encik Azhar mula menjadi pelakon?

AS: off course, dulu bila 'you' keluar orang tidaklah memandang tetapi apabila sudah keluar dan sudah menjadi 'famous', ramai lagi orang yang memandang 'you' kerana pada zaman dahulu tiada 'media sosial' jadi kita tidak tahu berapa ramai yang ___.

FB: Apakah cabaran utama ketika pertama kali menceburi bidang lakonan?

AS: Melakukan watak dengan kehendak 'director'.

FB: Bagaimanakah cara atau usaha Encik Azhar memantapkan lagi lakonan di setiap drama ataupun filem

AS: 'Every time I' masuk set 'I' akan belajar dengan 'Director dan senior' dan selalu menonton drama dan filem untuk melihat bagaimana _ _ _ . Selalu belajar di set dengan 'director' dan semua orang di set.

FB: Sebagai seorang artis dan pelajar ketika itu, bagaimanakah Encik Azhar membahagikan masa?

AS: Tidak tebahagi, menangis di dalam kereta dan selalu tersepit kerana jadual yang 'clash' dan perlu membayar kesilapan itu dengan 'repeat papers dan failed study'.

FB: Apakah watak yang sering diberikan oleh pengarah kepada Encik Azhar sewaktu berlakon?

AS: Orang baik-baik, bosan.'You' tunggu drama bersiri 'I' jadi orang jahat. Dalam cerita ini saya akan menjadi 'tokey parti' membawa _ _ _ perempuan-perempuan _ _ _ dan dibunuh. Tunggulah drama bersiri _ _ _.

FB: Sepanjang menjadi anak seni, lakonan yang manakah yang paling memberi kesan kepada Encik Azhar?

AS: Mungkin yang orang ingat 'Ayu aku cinta padamu' selepas itu 'I think' _ _ _ . Kedua-dua ini 'I supposed' menjadi 'stand' yang besar di dalam hidup saya.

FB: Encik Azhar merupakan salah seorang pelakon yang terkenal di Malaysia, pernahkah Encik berfikir untuk mengembangkan lagi lakonan di negara jiran seperti Indonesia dan Singapura?

AS: Di Malaysia pun tidak cukup 'famous' hendak ke luar negara (ketawa). Perlu lebih 'famous' di Malaysia.

FB: Adakah Encik Azhar mempunyai ramai kenalan artis yang rapat?

AS: Semua artis di dalam Malaysia saya kenal rapat.

FB: Siapakah kenalan artis yang pertama dahulu bersama Encik Azhar ketika mula memasuki bidang lakonan?

AS: Ahmad Idham dan Rizman Khuzaimi, Badrol Muhayat dan juga Isma Daniel.

FB: Adakah Encik Azhar masih menghubungi mereka?

AS: Masih.

FB: Siapakah idola Encik Azhar dalam bidang lakonan?

AS: Tidak tahu kerana terlalu ramai .

FB: Lebih 'specific' lagi?

AS: Tidak ada kerana semua orang pun 'terror' jadi semualah. Kalau 'you' suruh pilih 'Lamborghini' atau 'Ferrari', saya tidak mahu pilih tetapi saya mahu kedua-duanya (ketawa).

